

26hb September 2021

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang Berkepentingan,

**JEMPUTAN UNTUK MEMBUAT ULASAN BERKENAAN DENGAN PENILAIAN SEMULA
PENSIJILAN RSPO (P&C).**

Dengan sukacita kami menjemput pihak Tuan / Puan untuk menghadiri dan memberi komen di sesi rundingan seperti di atas.

Keresa Plantations Sdn Bhd, telah memohon kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian semula atas piawaian pensijilan Rundingan Meja Bulat Kelestarian Minyak Sawit (RSPO P&C).

Keperluan piawaian yang akan digunakan semasa proses pensijilan adalah:

- RSPO Principle & Criteria Certification (RSPO P&C 2018) – Malaysia National Interpretation (MYNI) Nov 2019 – Mass Balance (MB)

Seperi yang dijadualkan, penilaian pensijilan tersebut akan bermula pada **26 - 28 Oktober 2021** di pejabat syarikat seperti tertera. Jadi Tuan/Puan boleh menghantar sebarang komen jika berkenaan dalam tempoh masa bermula sekarang sehingga closing meeting pada hari terakhir penilaian.

Syarikat Pemohon	Keresa Plantations Sdn Bhd
RSPO Membership	1-0077-09-000-00 (Ordinary Member)
RSPO Palmtrace (RSPO PO_ID)	RSPO_PO1000000340

Butiran Pemohon	Mr. A.K. Kumaran Mr. Abdul Aziz Zainal Abidin Lot 1, Block 17, Lavang Land District 97000 Bintulu, Sarawak, Malaysia enquiry@keresa.com.my / https://keresa.com.my/ aziz@keresa.com.my +60 82 412187/412193
------------------------	--

Maklumat ringkas perniagaan pemohon	Keresa Plantations Sdn Bhd adalah syarikat bumiputra tempatan dengan 22 tahun pengalaman dalam perladangan kelapa sawit. Buat masa ini, Keresa mengurus ladang kelapa sawit seluas 8,551 hektar di Lavang Land District, Bintulu, Sarawak yang mula beroperasi sejak tahun 1996. Keresa Plantations Sdn Bhd memiliki sepenuhnya anak syarikat Limar Group of Companies dan beribu pejabat di Kuching, Sarawak.
Status RaCP (jika berkenaan)	Dari rekod, Keresa Plantations Sdn Bhd tidak mempunyai proses New Planting Procedure (NPP) manakala Remediation and Compensation Plan (RaCP) masih berjalan melalui proses yang ditetapkan oleh RSPO (Pelan Pemulihan).

MAKLUMAT KILANG KELAPA SAWIT YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI

Nama Kilang Sawit	Kapasiti Kilang	Lokasi	Rujukan GPS		Anggaran Pengeluaran Tahunan (MT)	
	MT/JAM	Alamat	Longitude	Latitude	CPO	Palm Kernel
Keresa Palm Oil Mill	60	Lot 1, Block 17, Lavang Land District 97000 Bintulu, Sarawak, Malaysia	113° 35' 59.1" E	03° 09' 49.6" N	23,398.91	4,840.96

RANTAIAN BEKALAN BTS YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI

Nama Ladang / Pertubuhan	Alamat	Rujukan GPS		Ringkasan Luas (Ha)		Pengeluaran BTS Tahunan (MT)
		Longitude	Latitude	Jumlah	Ditanam	
Sujan Estate	Lot 1, Block 17, Lavang Land District 97000 Bintulu, Sarawak, Malaysia	113° 36' 09.0" E	03° 10' 34.3" N	3,542.70	3,078.08	60,200.00
Jiba Estate	Lot 1, Block 17, Lavang Land District 97000 Bintulu, Sarawak, Malaysia	113° 33' 36.4" E	03° 09' 10.5" N	2,480.30	2,268.82	45,000.00
Jumlah				6,023.00	5,346.90	105,200.00

Perundingan dari pihak berkepentingan adalah salah satu aktiviti utama dalam proses pensijilan, di mana semua pihak berkepentingan diminta untuk memberi pandangan yang boleh mempengaruhi keputusan samada keperluan RSPO dipatuhi.

Kami meminta anda mengemukakan sebarang isu, baik positif mahupun negatif melalui surat, fax atau e-mel kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd. Tuan/ Puan boleh menghadiri sesi bersama pihak berkepentingan semasa audit.

Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu seperti berikut;

- Perlindungan alam sekitar
- Pemulihan kepelbagaiannya biologi
- Pengwujudan peluang pekerjaan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, dan pendidikan sokongan
- Pendekatan syarikat dalam perkembangan masyarakat
- Mengambil bahagian dalam membuat keputusan
- Isu-isu yang lain baik positif atau negatif yang anda fikir relevan kepada penilaian.

Sila hantar pandangan / komen anda kepada:

Global Gateway Certifications Sdn Bhd

Pengurus Scheme,
Global Gateway Certifications Sdn Bhd,
No.10, Jalan Rasmi 7,
Taman Rasmi Jaya,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Telephone: +60 3 4256 2689
Fax: +60 3 4256 2687
Email: admin@ggc.my

Maklumat terperinci anggota Juruaudit:

Muhsin Jamalul Arif Hamid (Ketua Juruaudit)

Latar belakang pendidikan dalam Pengurusan Perladangan dan Penyelidikan Kargo dengan pengalaman bekerja dalam mengendalikan tinjauan kargo Kualiti & Kuantiti untuk produk pertanian seperti minyak sawit, kacang soya, jagung dan gula. Juga berkelayakan dan terlibat dalam audit Sistem Kelestarian dan Pengurusan (MS) sejak 2011 untuk kebanyakan skema kelestarian seperti audit RSPO, ISCC, MSPO, Global Gap, GMP, SMETA, ESCAS dan pihak kedua. Terlibat dalam RSPO P&C, NEXT dan SCCS yang dijalankan di Malaysia, Indonesia, Colombia, Ecuador, Ivory Coast, Papua New Guinea dan Negara Timur Tengah.

Melengkapkan juruaudit utama ISO 9001: 2008 pada tahun 2011, dilatih dalam keperluan ISO 19011 & 17021 pada tahun 2014, Penukaran Pengauditan Kemahiran Sosial terhadap syarat RSPO, MSPO, ETI & SEDEX pada tahun 2015, RSPO P&C Lead Auditor Endorsed Course on 2013, 2016 and 2019, RSPO SCC Course on 2015, MSPO Auditor Training on 2014 (3rd Batch) held by MPOB, MSPO SCCS Auditor Training on 2018, Basic Safety Training Course etc. Ahli pasukan audit GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Mohd Fadzli Bistamam (Juruaudit)

Graduan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Biologi dan Pertanian dengan pengalaman kerja lebih dari 7 tahun di dalam Industri Perladangan Kelapa Sawit. Mempunyai lebih dari 7 tahun pengalaman bekerja di Industri Perladangan Kelapa Sawit dengan kemahiran dalam Amalan Pertanian Baik (GAP) dan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM). Pengalaman menguruskan pekerja ladang, pengendalian mineral dan tanah gambut serta berpengalaman di dalam pengurusan racun untuk kawalan rumput dan makhluk perosak di sektor Ladang Kelapa Sawit.

Juga berkelayakan sebagai Ketua Juruaudit dan terlibat dalam audit kelestarian dan Sistem Pengurusan untuk kebanyakannya standard kelestarian seperti audit RSPO, ISCC dan MSPO. Telah berhasil menamatkan kursus-kursus seperti ISO 9001:2015, RSPO Lead Auditor Course, MSPO Training dan juga ISCC Basic Training. Terlibat dalam bidang audit sejak tahun 2016 dan pernah menjalankan audit di negara Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, Ivory Coast, India and Singapore. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Mohd Razin Bakal (Juruaudit)

Siswa dalam Ijazah Perakaunan daripada Universiti Putra Malaysia. Mempunyai 17 tahun pengalaman bekerja dalam pelbagai bidang di Malaysia, Afrika dan Indonesia. Mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang cukup dalam operasi ladang kelapa sawit termasuk pentadbiran ladang, penyediaan bajet, pembukaan kawasan hutan, tanaman baru, penubuhan tapak semaihan, pengurusan, penuaian dan penyelenggaraan ladang, keselamatan dan kesihatan, perjalanan kenderaan dan kemahiran dalam Amalan Pertanian Baik (GAP) termasuk Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM). Juga berpengalaman didalam bidang GIS & Mapping untuk perladangan kelapa sawit.

Terlibat dalam pengauditan MSPO sejak 2018. Berkelayakan sebagai Ketua Juruaudit / Juruaudit untuk MSPO 2530: 2013, ISO 14001: 2015 dan ISO 9001: 2015 daripada Sirim Berhad. Lulus RSPO P&C Lead Auditor Course untuk standard 2018 oleh Checkmark. Ahli pasukan RSPO & MSPO audit GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan . Sila sertakan maklumat bertulis dalam format berikut untuk kami menghubungi anda (jika perlu) untuk mendapat penjelasan terperinci mengenai isu-isu yang dibangkitkan.

Nama : _____
Alamat : _____
E-mel : _____
Numbor Telefon : _____
Ringkasan Isu : _____

Komen:

Jika komen anda ingin dirahsiakan, sila tanda perkataan “SULIT” di penjuru atas borang tersebut.

Sekian. Terima kasih.

Yang benar,



Muhd Jamalul Arif,
Pengurus Scheme,
Global Gateway Certifications Sdn Bhd